



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2013

PANDUAN PENUBUHAN HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

1. LATAR BELAKANG

1.1. Berdasarkan kepada Seksyen 10 (1), Akta Perhutanan Negara (APN) 1984, Hutan Perlindungan Hidupan Liar (HPHL) adalah merupakan salah satu daripada 11 kelas mengikut fungsi dalam pengelasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang perlu diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. HPHL adalah kawasan yang khusus dalam HSK untuk memelihara dan melindungi kepelbagaiannya spesies hidupan liar dengan mengekal dan menguruskan habitatnya.

1.2. HPHL berperanan dan berfungsi untuk tujuan seperti berikut:-

- 1.2.1. untuk melindungi kawasan hutan yang mengandungi ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa bagi tujuan pemeliharaan dan perlindungan hidupan liar;
- 1.2.2. sebagai kawasan penyelidikan dan pembelajaran dalam aspek pemeliharaan dan perlindungan hidupan liar; dan
- 1.2.3. untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran umum mengenai peranan JPSM dalam pemeliharaan dan perlindungan hidupan liar.

1.3. Menyedari kepentingan HPHL ini, satu panduan mengenai penubuhannya perlu disediakan sebagai rujukan kepada Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Skop panduan ini merangkumi aspek pemilihan kawasan, penubuhan, penyelenggaraan dan pemantauan HPHL.

2. OBJEKTIF PANDUAN HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

Objektif panduan ini ialah:

- 2.1.1. untuk menyeragamkan kaedah penubuhan dan pengurusan HPHL; dan
- 2.1.2. untuk digunakan sebagai panduan oleh Jabatan Perhutanan Negeri(JPN) dalam menubuh dan menguruskan HPHL.

3. KRITERIA PEMILIHAN KAWASAN HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

Kawasan HSK yang dicadangkan sebagai HPHL hendaklah mempunyai mana-mana satu atau lebih ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa seperti berikut:

- i. kubang badak;
- ii. jenut semulajadi;
- iii. kawasan persinggahan burung hijrah;
- iv. kawasan bersarang burung enggang; dan
- v. gua-gua bagi habitat kelawar.

4. PENUBUHAN HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR

4.1. Penilaian Kawasan

4.1.1. Pegawai Hutan Daerah (PHD) hendaklah mengenai pasti dan menilai kesesuaian cadangan kawasan untuk dijadikan kawasan HPHL berdasarkan kriteria pemilihan kawasan di para 3.0.

4.1.2. PHD hendaklah menyediakan laporan penilaian kawasan dan mengemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN). Laporan penilaian ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. daerah hutan;
- ii. nama HSK;
- iii. nombor kompartmen;
- iv. keluasan kawasan;
- v. ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa;

- vi. jenis hutan (Hutan Paya Laut, Hutan Paya Gambut, Hutan Dipterokarp Pamah, Hutan Dipterokarp Bukit, Hutan Dipterokarp Atas, Hutan Oak Gunung , Hutan Ericaceous Gunung);
- vii. keadaan kawasan (contoh: hutan dara; hutan diusahasil; belukar; resam, kawasan buluh atau pisang hutan; kawasan berbatu termasuk batu kapur; sungai, tasik atau paya, dll;
- viii. komposisi spesies flora secara umum;
- ix. jenis fauna yang ditemui;
- x. jalan perhubungan (darat dan air);
- xi. maklumat-maklumat lain (masyarakat setempat, kawasan pemburuan haram, kawasan Orang Asli, eko-pelancongan, dll);
- xii. ulasan dan syor oleh PHD; dan
- xiii. pelan kawasan.

4.1.3. PPN hendaklah meneliti laporan ini dan memutuskan penubuhan HPHL.

4.2. Penubuhan Kawasan

4.2.1. Keluasan Kawasan

Keluasan cadangan HPHL adalah tertakluk kepada ciri-ciri kepentingan biologi yang istimewa yang terdapat di kawasan berkenaan dengan keluasan minima tidak kurang daripada subkompartmen.

4.2.2. Pewartaan Hutan Perlindungan Hidupan Liar

Sesuatu HPHL yang telah dipersetujui penubuhannya hendaklah diwartakan selaras dengan peruntukan seksyen 10(1) (f), Akta Perhutanan Negara 1984.

4.2.3. Penandaan Sempadan

4.2.3.1. Sempadan kawasan HPHL hendaklah disediakan seperti berikut:

- i. lebar sempadan adalah dua (2) meter bagi sempadan antara kompartmen dan subkompartmen serta tiga (3) meter untuk sempadan luar Hutan Simpan;
- ii. semua pokok di atas sempadan berdiameter paras dada 5cm dan ke bawah hendaklah dipotong seberapa rapat ke paras tanah;
- iii. semua bahagian pokok seperti ranting, dahan dan lain-lain yang terdapat di atas sempadan hendaklah dipotong dan dibersihkan;
- iv. semua pokok yang ditebang dan bahagian-bahagian pokok yang dipotong hendaklah dilonggokkan di tepi sempadan sebelah luar kawasan HPHL;
- v. pokok-pokok yang berdiameter paras dada 15cm di sepanjang kelarian sempadan hendaklah ditanda dengan dua (2) gelangan cat kuning (jarak di antara setiap pokok yang ditanda hendaklah tidak melebihi 20m); dan
- vi. sekiranya sempadan kawasan adalah merupakan sempadan luar kompartmen atau subkompartmen HSK, sempadan tersebut hendaklah juga ditandakan dengan gelangan cat merah seperti berikut:
 - a. tiga (3) gelangan bagi sempadan luar HSK;
 - b. dua (2) gelangan bagi sempadan kompartmen; dan
 - c. satu (1) gelangan bagi subkompartmen.

4.2.3.2 Jika di atas sempadan berkenaan tidak terdapat pokok yang berdiameter paras dada melebihi 15cm, sebahagian pokok yang lebih kecil hendaklah ditinggalkan daripada ditebas supaya penandaan gelangan cdt boleh dibuat pada pokok- pokok tersebut atau penandaan juga boleh dibuat pada batu jika terdapat di situ.

4.2.3.3 Setiap penjuru sempadan hendaklah dipasang dengan tiang sempadan. Contoh pemasangan tiang sempadan adalah seperti di Lampiran I.

4.2.3.4 Spesifikasi mengenai tiang sempadan adalah seperti berikut:

- i. diperbuat daripada kayu jenis chengal, merbau atau kayu-kayu keras berat lain berukuran 15cm x 15cm x 2m;
- ii. hujung sebelah atas diruncing empat penjuru dan di bawah bahagian yang diruncing dipaku kepingan aluminium berukuran 10cm x 10cm x 2mm bertulis *emboss*) dengan nombor HPHL seperti di Lampiran II; dan
- iii. ditanda dengan bilangan gelangan cat kuning sepetipokok sempadan.

4.3. Papan Tanda

Papan tanda jika perlu, hendaklah diletakkan pada tempat jalan masuk melintasi sempadan HPHL. Papan tanda ini hendaklah mengandungi nama HSK, nombor kompartmen, keluasan, tahun penubuhan dan nombor warta. Latar belakang papan tanda ini hendaklah berwarna kuning muda dan tulisan serta lakaran berwarna hitam. Contoh lakaran papan tanda ini adalah seperti di Lampiran III. Papan tanda ini dipasang bagi membantu dalam kerja pemeriksaan atau lawatan-lawatan lain.

5. PENYELENGGARAAN SEMPADAN DAN PAPAN TANDA HPHL

Sempadan HPHL hendaklah diselenggara sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali manakala papan tanda hendaklah diselenggara bagi memastikan ianya sentiasa berada dalam keadaan baik.

6. PEMANTAUAN

- 6.1. PHD adalah bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti pemantauan dilaksanakan ke atas kawasan HPHL sekurang-kurangnya enam (6) bulan sekali bagi memastikan tidak berlaku sebarang pencerobohan kawasan dan gangguan kepada hidupan liar (contoh: pemburuan haram, pemasangan jerat, penerokaan tanah dan lain-lain).
- 6.2. Laporan pemeriksaan hendaklah dibuat ,dengan menggunakan borang seperti di Lampiran IV. Laporan ini hendaklah disimpan di Pejabat Hutan Daerah dansatu salinan hendaklah dihantar kepada JPN.

7. PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”

“1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ ABD. RAHIM)

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 12 Mac 2013

Lampiran I


**PEMASANGAN TIANG SEMPADAN DI KAWASAN
HUTAN SIMPANAN HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PHHL)**



TIANG SEMPADAN YANG PERLU DIPASANG IALAH = T₁, T₂, T₃, T₄
JUMLAH = 4 TIANG


Lampiran II

**SPESIFIKASI TIANG SEMPADAN
HUTAN SIMPANAN HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PHHL)**



Lampiran III

**CONTOH LAKARAN PAPAN TANDA HUTAN SIMPANAN HUTAN PERLINDUNGAN
HIDUPAN LIAR (PHHL)**



**LAPORAN PEMERIKSAAN KE ATAS KAWASAN
HUTAN SIMPANAN HUTAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (HPHL)**

Tarikh pemeriksaan:

No. Kompartmen:

Nama HSK:

Daerah hutan:

Negeri:

1. Nama dan jawatan ketua pasukan:
2. Nama dan jawatan ahli-ahli pasukan:
 - a)
 - b)
 - c)
 - d)
3. Terangkan keadaan sempadan dan kebersihannya:
4. Terdapat pencerobohan/kerosakan atau tidak? Jika ada terangkan dan tandakan di atas pelan. (pencerobohan/kerosakan termasuklah oleh penerokaan haram, penebangan haram, ribut, kebakaran atau sebab-sebab lain).
.....
.....
.....
.....
.....
5. Cara perhubungan asal ke kawasan berkenaan (sama ada boleh sampai dengan pacuan empat roda, berjalan kaki atau cara-cara lain)
.....
.....
.....
6. Jika berjalan kaki nyatakan jauhnya
7. Nyatakan cara perhubungan semasa pemeriksaan (jika berbeza dari cara asal disebabkan kerosakan jalan atau sebagainya)
.....
.....

8. Nyatakan pemerhatian-pemerhatian lain mengenai HPHL tersebut, jika ada

.....
.....
.....

9. Cadangan-cadangan jika ada

.....
.....
.....

Tandatangan ketua pasukan

(nama ketua pasukan)

ULASAN PEGAWAI HUTAN DAERAH

TANDATANGAN

(NAMA PEGAWAI HUTAN DAERAH)

LAPORAN HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PELAN YANG MENUNJUKKAN
JALAN YANG DIIKUTI SEMASA PEMERIKSAAN DAN PERKARA-PERKARA LAIN
YANG BERKAITAN